

08/01/2004

Abdullah, Megawati bincang isu bersama

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membincangkan pelbagai perkara kepentingan bersama membabitkan hubungan kedua-dua negara dalam pertemuan dengan Presiden Megawati Sukarnoputri di Jakarta hari ini.

"Ia adalah lawatan kunjungan hormat. Kita tidak menetapkan sebarang isu untuk dibincangkan. Terpulanglah kepada Abdullah dan Megawati membangkitkan sebarang isu kepentingan bersama," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra, ketika diminta mengulas lawatan sehari Abdullah ke republik itu.

Syed Hamid berkata, tidak ada agenda tetap dalam perbincangan itu.

Ini adalah lawatan pertama Abdullah ke Indonesia sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam lawatan itu, Abdullah membuat kunjungan hormat ke atas Megawati di Istana Merdeka. Ini adalah pertemuan kedua Abdullah dengan Presiden Indonesia itu selepas menjadi Perdana Menteri. Pertemuan pertama ialah pada Sidang Kemuncak Memperingati Hubungan Asean-Jepun di Tokyo, Disember tahun lalu.

Ketika di Tokyo, Megawati mengundang Abdullah melawat Indonesia. Indonesia adalah negara pertama dalam rangka lawatan Abdullah ke negara Asean, bulan ini.

Selepas Jakarta, Abdullah akan melawat Singapura Isnin depan diikuti Thailand pada 16 Januari, Laos (19 Januari) dan Filipina (20 Januari).

Syed Hamid berkata, sudah menjadi tradisi bagi pemimpin sesebuah negara yang baru dilantik membuat kunjungan hormat ke atas rakan sejawatannya dalam Asean.

Katanya, hubungan Malaysia dan Indonesia sentiasa berada pada tahap yang menggalakkan.

Ditanya kemungkinan isu yang akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin, Syed Hamid berkata, Malaysia dan Indonesia mempunyai kepentingan bersama dari segi sempadan darat dan laut.

"Mereka mungkin berbincang mengenai perkara itu. Saya jangkakan lawatan ini akan dapat meningkatkan hubungan yang lebih mantap antara kedua-dua negara," katanya.